

SULIT



**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2016

5226/2

TASAWWUR ISLAM

Kertas 2

Nov./Dis.

2 $\frac{1}{2}$ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **tujuh** soalan.*
2. ***Soalan 1** mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.*
3. *Kesemuanya **lima** soalan yang mesti dijawab.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang di dalam buku jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 6 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.
[Lihat halaman sebelah

SULIT

5226/2 © 2016 Hak Cipta Kerajaan Malaysia



Soalan 1 mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.

- 1 (a) Nyatakan pengertian maksum. [2 markah]
- (b) Terangkan **dua** keistimewaan insan berbanding makhluk Allah SWT yang lain. [4 markah]
- (c) Nyatakan **dua** ciri kebenaran Islam. [2 markah]
- (d) Terangkan **dua** hikmah penurunan al-Quran secara berperingkat-peringkat. [4 markah]
- (e) Huraikan **dua** bentuk pemikiran yang menepati syariat Islam. [4 markah]

Kedatangan artis luar negara sama ada individu atau secara berkumpulan telah memberi lebih kesan negatif kepada akhlak remaja masa kini. Mereka membawa bersama budaya negatif yang bertentangan dengan agama dan budaya masyarakat Malaysia.

- (f) Berdasarkan pernyataan di atas, apakah yang akan terjadi sekiranya budaya negatif ini tidak dibendung segera oleh pihak yang berkenaan? [4 markah]
Jelaskan **dua** pandangan anda.
- 2 (a) Nyatakan **empat** ciri agama langit yang diturunkan kepada Nabi Adam a.s. sehingga kepada Nabi Muhammad SAW. [4 markah]
- (b) Nyatakan **empat** prinsip waqi'iyyah. [4 markah]
- (c) Terangkan **dua** contoh syumuliiyyah dalam bidang perundangan. [4 markah]
- (d) Antara hak asasi manusia yang terkandung dalam prinsip 'alamiyyah ialah memelihara kehormatan dan maruah diri. [4 markah]
Terangkan **dua** cara Islam memelihara kehormatan dan maruah diri.

- (e) Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah SWT hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, darah, daging babi dan binatang yang disembelih tidak kerana Allah SWT. Maka sesiapa yang terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang dia tidak menginginkannya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu) maka tidaklah dia berdosa. Sesungguhnya Allah SWT Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani”

(Surah al-Baqarah: 173)

- (i) Apakah konsep pandangan hidup Islam yang menepati maksud ayat di atas?
[1 markah]
- (ii) Berdasarkan jawapan anda di atas, nyatakan **tiga** contoh lain yang menepati konsep tersebut.
[3 markah]



- 3 (a) (i) Terangkan **dua** tanggungjawab pemimpin dalam Islam. [4 markah]
(ii) Terangkan **dua** tanggungjawab rakyat kepada pemimpin negaranya. [4 markah]

(b) Nyatakan **empat** keistimewaan institusi kehakiman Islam. [4 markah]

(c) Berikut adalah petikan perbicaraan di mahkamah yang melibatkan penarikan diri seorang hakim mengendalikan kes orang yang berkepentingan dengannya.

Peguambela : "Yang Arif, saya memohon agar Yang Arif menarik diri daripada mendengar perbicaraan ini."

Hakim : "Saya memikirkannya dengan penuh berhati-hati, saya akan menarik diri."

Berdasarkan petikan di atas, jelaskan **dua** sebab hakim bersetuju memilih keputusan tersebut. [4 markah]

(d) Terangkan **dua** cara untuk mengekalkan kemakmuran dalam negara yang mempunyai masyarakat majmuk seperti Malaysia. [4 markah]

- 4 (a) (i) Senaraikan **dua** bentuk pencerobohan harta menurut Islam. [2 markah]
(ii) Terangkan **dua** keburukan pencerobohan harta terhadap individu. [4 markah]

(b) Terangkan **dua** sebab generasi masa kini lebih berminat untuk bekerja makan gaji berbanding dengan bekerja sendiri. [4 markah]

(c) Terangkan **dua** etika kerja Islam yang dapat memenuhi syarat-syarat sesuatu pekerjaan untuk menjadi ibadat. [4 markah]

(d) Nyatakan **dua** syarat sah muamalah secara am menurut Islam. [2 markah]

Encik Zaki telah menjual sebuah motosikal kepada Encik Yunus dengan harga RM4000.00 termasuk keuntungan. Kedua-duanya bersetuju pembayarannya secara beransur-ansur dalam tempoh 24 bulan.

- (e) (i) Namakan **dua** jenis muamalah yang diamalkan dalam situasi di atas. [2 markah]
(ii) Pada pendapat anda, mengapakah jenis muamalah tersebut menjadi pilihan mereka? [2 markah]

- 5 (a) Terangkan **dua** ciri keunggulan perundangan Islam berbanding undang-undang ciptaan manusia. [4 markah]
- (b) Nyatakan pengertian qadha berserta contoh yang sesuai. [3 markah]
- (c) Nyatakan **dua** contoh fatwa. [2 markah]

Ahmad kecewa apabila mendapati ibu bapanya sering mengabaikan solat fardu. Dia telah menghantar sekeping nota kepada ibu bapanya dengan hasrat mereka akan berubah.

- (d) (i) Pada pandangan anda, adakah wajar seorang anak menegur ibu bapanya dengan cara tersebut? [1 markah]
- (ii) Kemukakan **dua** alasan yang menyokong pendapat anda. [4 markah]
- (e) (i) Nyatakan maksud hudud menurut Islam. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** kesan hukuman hudud kepada penjenayah. [4 markah]
- 6 (a) Terangkan **tiga** kaedah yang sesuai untuk menyelesaikan masalah perpaduan ummah menurut Islam. [6 markah]
- (b) Jelaskan **dua** kesan penyelesaian masalah menurut syariat Islam. [4 markah]
- (c) Terangkan **tiga** aktiviti yang dapat anda lakukan untuk mewujudkan perpaduan dalam kalangan pelajar. [6 markah]

Sejak kebelakangan ini, banyak kejadian jenayah dilaporkan berlaku di seluruh negara seperti bunuh, rogol, ragut, rompakan dan sebagainya yang disiarkan dalam media massa seperti radio, televisyen dan akhbar. Contohnya, dalam kejadian ragut di Kuala Lumpur baru-baru ini, seorang wanita terbunuh akibat diseret oleh peragut yang cuba meragut beg tangannya.

- (d) Merujuk petikan di atas, bincangkan **dua** implikasi jenayah yang boleh menggugat perkembangan ekonomi negara. [4 markah]

- 7 (a) Jelaskan **tiga** kesan melaksanakan ibadat tanpa berpandukan syariat. [6 markah]
- (b) Jadual berikut berkaitan statistik perkahwinan dan perceraian pasangan Islam di Malaysia tahun 2004 – 2006.

Tahun	Bilangan perkahwinan	Bilangan kes perceraian	Peratus perceraian
2004	112,262	16,505	14.70%
2005	113,132	17,749	15.68%
2006	114,812	19,463	16.95%

(Sumber: JAKIM)

Berdasarkan jadual di atas, kes perceraian dalam kalangan pasangan Islam di Malaysia meningkat.

Huraikan **dua** pandangan anda tentang punca kes perceraian berlaku. [4 markah]

- (c) Nyatakan **empat** bentuk jaminan keselamatan yang diberikan Islam kepada umatnya. [4 markah]
- (d) Terangkan **tiga** cara Islam mengukuhkan ekonomi umatnya melalui akhlak. [6 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT